



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## PROJEK NAIK TARAF JALAN ALOR TINGKAT IMEJ KOTA METROPOLITAN KL BERTARAF DUNIA

**KUALA LUMPUR, 22 Februari 2018** – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Bukit Bintang dihadiri oleh 3,000 orang warga kota hari ini. Program ini disempurnakan oleh YB. Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan di Jalan Alor, Bukit Bintang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini merupakan kawasan tumpuan warga kota dan pelancong untuk mendapatkan pelbagai juadah makanan tempatan.

Program yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018 ini merupakan program yang paling mendapat kerjasama dan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat setempat. SHWP 2018 masih mengekalkan tema “Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera” kerana dilihat dapat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan terutamanya dari aspek meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat serta menambahkan semangat kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warganya.

Pelbagai inisiatif diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk di Parlimen Bukit Bintang. Dalam meningkatkan imej ibu negara Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya bertaraf dunia, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyiapkan projek menaiktaraf dan mengindahkan Jalan Alor Fasa 1 pada Mac 2017. Satu ikonik baru iaitu tiang lampu “chopstick” telah dibina yang menjadi mercu tanda utama Jalan Alor yang terkenal sebagai syurga pelbagai juadah makanan pada waktu malam di Kuala Lumpur. DBKL turut membenarkan penutupan Jalan Alor dari 7.00 malam hingga 2.00 pagi di sepanjang Jalan Alor bagi memberi keselesaan dan keselamatan kepada para pegunjung serta pelancong.

Pusat Penjaja di Jalan Alor akan terus dinaiktaraf melalui projek menaiktaraf dan pengindahan Jalan Alor Fasa 2 bagi menyambung kerja-kerja pengindahan yang merangkumi kawasan pejalan kaki, penyeragaman kiosk dan papan tanda, kerja-kerja landskap dan baikpulih sistem pemparitan. Kerja-kerja bagi pelaksanaan Fasa 2 ini akan mula dilaksanakan selepas perayaan Chap Goh Mei.

Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Parlimen Bukit Bintang, Kuala Lumpur dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria. Melalui program ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah terus dikekalkan untuk kebaikan bersama.

**Disediakan oleh**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Kementerian Wilayah Persekutuan**